UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SOLAT SUNAT AIDILFITRI

Perpustakaan Laman Hikmah

"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

PENGENALAN

Hari raya dalam Islam adalah hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha.

Kemuncak sambutan hari raya adalah Solat Sunat Hari Raya pada paginya.

Hukum solat sunat hari raya adalah sunat muakkad iaitu solat sunat yang sangat dituntut melaksanakannya. Solat sunat hari raya dilaksanakan secara berjamaah dan menjadi syiar untuk agama Islam.

Takrif Eid
Perkataan ‘eid’ (العِيْدُ) diambil daripada perkataan ‘audah’ (العَوْدة) yang bermaksud kembali atau berulang.

Mungkin kerana hari raya ini berulang dan kembali setiap tahun atau kerana berulangnya kegembiraan menyambutnya.

Takrif Fitrah & Aidilfitri

Fitrah bererti asal kejadian atau kejadian semulajadi sesuatu benda.
Dan dinamakan Aidilfitri kerana zakat fitrah diwajibkan ke atas orang Islam pada hari tersebut.

Perpustakaan Laman Hikmah
"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

HUKUM SOLAT SUNAT AIDILFITRI

Mazhab Syafi'e dan Maliki menghukum solat sunat hari raya sebagai sunat muakkad.

Sunat muakkad bermaksud sunat yang sangat dituntut. Ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya semenjak ia disyariatkan sehinggalah Baginda wafat.

Ibn Umar r.a meriwayatkan:
Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar r.a kesemuanya mendirikan solat dua hari raya sebelum khutbah.
(Riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab Solat Dua Hari Raya)

Perlaksanaan solat ini digalakkan secara berjemaah sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis Said al-Khudri.

Tetapi, ia tetap sah jika dilakukan secara bersendirian.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Panduan Solat Hari Raya

Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar r.a kesemuanya mendirikan solat dua hari raya sebelum khutbah.

(Riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab Solat Dua Hari Raya)

Hukum Solat Sunat Aidilfitri

Solat Sunat Hari Raya adalah sunat muakkad.

Sunat muakkad bermaksud sunat yang sangat dituntut.

Ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya semenjak ia disyariatkan sehinggalah Baginda wafat.

Perbuatan Sunat Semasa Raya

Sebelum mengerjakan solat sunat Aidilfitri, dianjurkan melakukan beberapa perkara berikut:

- Mandi sunat raya
- Berpakaian baru
- Makan terlebih dahulu
- Melaungkan takbir
- Bermaaf-Maafan

Niat Solat Sunat Aidilfitri

Niat Solat Raya bersendirian adalah seperti berikut:

"Sahaja aku sembahyang sunat Aidilfitri dua rakaat tunai kerana Allah Taala."

Cara Mengerjakan Solat Raya

Solat Sunat Aidilfitri dilakukan 2 rakaat seperti solat sunat yang lain, cuma ia mempunyai takbir tambahan:

- 7 kali takbir pada rakaat pertama
- 5 kali takbir pada rakaat kedua

Khutbah Raya

khutbah raya akan dibacakan oleh khatib selepas solat sunat aidilfitri.

Solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian.

Perpustakaan Laman Hikmah
"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

WAKTU SOLAT SUNAT RAYA AIDILFITRI

Mazhab Syafi'e dan Maliki menghukum solat sunat hari raya sebagai sunat muakkad.

Sunat muakkad bermaksud sunat yang sangat dituntut. Ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya semenjak ia disyariatkan sehinggalah Baginda wafat.

Ibn Umar r.a meriwayatkan:
Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar r.a kesemuanya mendirikan solat dua hari raya sebelum khutbah.
(Riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab Solat Dua Hari Raya)

Perlaksanaan solat ini digalakkan secara berjemaah sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis Said al-Khudri.

Tetapi, ia tetap sah jika dilakukan secara bersendirian.

LAFAZ TAKBIR HARI RAYA

Bertakbir disunatkan bermula daripada tenggelam matahari pada malam hari raya hingga imam bertakbiratul ihram untuk solat sunat hari raya.

Firman Allah SWT:
.... Dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur
(Surah al-Baqarah ayat 185)

Ini berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW dan para sahabat.

Diriwayatkan daripada Ali dan Ammar r.a:
Nabi SAW bertakbir pada hari Arafah, selepas solat Subuh dan menghentikannya selepas solat Asar di akhir hari-hari Tasyrik.
(Riwayat al-Hakim)

Oleh itu marilah kita sekeluarga menghidupkan hari raya dengan bertakbir di rumah

Perpustakaan Laman Hikmah
"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

LAFAZ TAKBIR HARI RAYA

BACAAN KHUTBAH RAYA

Bilakah khutbah raya dibacakan?

Tidak seperti khutbah Jumaat, khutbah raya akan dibacakan oleh khatib selepas solat sunat aidilfitri.

Hukum khutbah adalah sunat.

Oleh itu, solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa, atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian.
Jika solat seorang diri, maka tidak perlulah berkhutbah.

Rukun Khutbah Raya

Apakah maksud rukun khutbah?
Rukun khutbah secara mudahnya adalah perkara yang wajib dilakukan dalam khutbah.
Menurut mazhab Syafi'ie; rukun-rukun khutbah hari raya sama sepertimana khutbah Jumaat, iaitu;

1. Memuji Allah (yakni mengucapkan al-Hamdulillah) dengan sebarang bentuk pujian.
2. Berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dengan sebarang bentuk selawat.
3. Memberi pesanan dengan takwa
4. Membaca sepotong ayat dari al-Quran pada salah satu dari dua khutbah.
5. Membaca doa untuk sekelian kaum muslimin dalam khutbah kedua.

Disunatkan imam memulakan khutbah pertama dengan bertakbir (yakni melaungkan Allahu-Akbar) sembilan kali dan memulakan khutbah kedua dengan bertakbir tujuh kali.

Dari 'Ubaidillah bin 'Abdillah bin 'Utbah r.a. yang menceritakan;
Menjadi sunnah memulakan khutbah pertama dengan sembilan kali takbir yang berturut-turut dan memulakan khutbah kedua dengan tujuh kali takbir yang berturut-turut"

– Riwayat Imam al-Baihaqi

AMALAN SUNAT PADA PAGI AIDILFITRI

Niat Mandi Sunat Aidilfitri

Disunatkan mandi hari raya sekalipun tidak berhasrat untuk menghadiri majlis solat hari raya kerana hari raya adalah yaum az-zinah iaitu hari perhiasan.

Lafaz niat mandi sunat hari raya Aidilfitri adalah:

نَوَيْتُ الْغُسْلَ لِعِيْدِ الْفِطْرِ سُنَّةً لِلّٰهِ تَعَالَىٰ

Niat mandi Sunat Aidilfitri

Nawaitul Ghusla Li idilfitri Sunnatan Lillahi Taala

Maksudnya:
Sahaja aku mandi sunat hari raya Aidilfitri kerana Allah Taala.

Sunat mandi ini adalah berdasarkan amalan sahabat di mana Imam Malik meriwayatkan dari Nafi' yang menceritakan;

Sesungguhnya Ibnu Umar r.a. mandi pada hari raya fitrah sebelum keluar pada pagi hari raya".

– Riwayat Imam Malik dalam al-Muwatta'. Menurut Imam Nawawi; atsar ini adalah soheh

Perpustakaan Laman Hikmah
"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

AMALAN SUNAT PADA PAGI AIDILFITRI

Memakai Pakaian Baru & Berwangi-wangian

Berhias

Selain dari mandi disunatkan juga menggunting atau mencukur rambut, memotong kuku dan menghilang bau-bau di badan dan pakaian kerana hari tersebut adalah hari raya, maka disunatkan perkara-perkara tersebut dengan dikiaskan kepada hari jumaat.

Menurut Imam Ibnu Rusyd; sunat mandi hari raya adalah ijma' ulamak.

(Lihat; Bidayatul-Mujtahid, jil. 1, hlm. 283)

Berpakaian Baru

Berkata Imam Ibnul-Qayyim;

Nabi s.a.w. memakai untuk dua hari raya pakaian baginda yang paling cantik. Baginda mempunyai jubah khusus yang dipakai baginda untuk dua hari raya dan juga hari jumaat".

Ia disunatkan kepada semua orang termasuk yang tinggal atau solat di rumah kerana hari raya adalah hari perhiasan (يوم الزينة).

Bagi yang memiliki hanya satu pakaian, ia disunatkan membasuh pakaian itu untuk hari raya sebagaimana juga hari jumaat.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Perpustakaan Laman Hikmah
"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

AMALAN SUNAT PADA PAGI AIDILFITRI

Makan Dahulu

Sebelum menunaikan solat, dianjurkan untuk menjamah sedikit juadah. Jika terdapat buah kurma, hendaklah makan dalam jumlah yang ganjil.

Pergi Ke Masjid Melalui Jalan Lain

Disunatkan untuk pergi ke masjid dan pulang dari masjid menggunakan jalan yang berlainan.

Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahawa:
Nabi SAW apabila keluar untuk solat hari raya Baginda tidak akan kembali (ke rumahnya) melalui jalan yang sama.

Riwayat Ibn Majah dan Sunan Ibn Majah, kitab Mendirikan Solat dan Sunat-sunatnya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SUMBER ;-

HTTPS://AKUISLAM.COM/BLOG/IBADAH/SOLAT-SUNAT-AIDILFITRI/